

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 21 RABU 24HB. MEI 1972 1392 ربيع الاخير 10 PERCHUMA

ANGGOTA ANGKATAN BERSENJATA YANG BERKEMAHIRAN BERGUNA KAPADA PEMBANGUNAN NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kehidupan yang bertamaddun, maamor dan bahagia tidak akan dapat di-chapai sekira-nya keselamatan dan ketenteraman negara tidak terjamin.

Kerana itu-lah Kerajaan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menjadikan keselamatan dan ketenteraman negara sa-bagai salah satu matalamat utama untuk senantiasa di-kawal dan diperkukuhkan.

Demikian menurut Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Dato Seri Utama Awang Isa ketika berucap di-upacara perbarisan tamat lathen rekrut2 baru Askar Melayu Diraja Brunei di-Perkhemahan Bera-kas pada hari Jumaat lepas.

Beliau berkata bahawa antara langkah2 dan usaha2 yang telah dan sedang di-ambil oleh Kerajaan D.Y.M.M. ia-lah mengkaji dan menambah kekuatan angkatan2 bersenjata yang mana pengambilan rekrut2 baru AMDB itu ada-lah satu daripada-nya.

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja menyeru rekrut2 yang tamat lathen itu supaya senantiasa berbakti kepada D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan kepada bangsa dan negara.

"Ini bukan sahaja dari segi mengekal dan memperkukuhkan lagi keselamatan dan ketenteraman negara, bahkan pada mendatangkan nama baik di-sepanjang masa kepada Negeri Brunei Darussalam yang kita semua chintai ini," tegas beliau.

Kapada perajurit2 itu, beliau memberi tahu yang mereka akan di-beri banyak peluang untuk memperbaiki dan meninggikan taraf kemahiran2 dan kelayakan2 masing2 di-

(Lihat muka 8)



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti
Diraja Dato Seri Utama Awang Isa.

Untuk peluang bekerja bagi anak2 tempatan yang berkelulusan aliran Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Buroh, Awang Md. Ali bin Haji Awang Besar telah menggesa sharikat2 perniagaan dan perusahaan di-negeri in supaya memberi peluang bekerja kapada anak2 tempatan yang berkelulusan dalam persekolahan aliran Melayu.

Peluang2 bekerja di-sharikat2 perniagaan dan perusahaan itu tidak hanya di-berikan kapada yang berkelulusan aliran Inggeris sahaja, tetapi juga hendak-lah di-berikan kapada yang berkelulusan aliran Melayu ia-itu antara yang lulus dalam tingkatan III atau SRP dan SPM sama ada lelaki atau pun perempuan.

Awang Md. Ali dalam satu siaran khas kapada sharikat2 perniagaan dan perusahaan itu menyatakan bahawa anak2 tempatan yang berkelulusan aliran Melayu itu di-chadangkan beliau supaya di-terima bekerja sa-bagai perhubungan atau pun berlateh sambil bekerja untuk melayakkan mereka memegang satu2 jawatan.

Dalam siaran itu, Awang Md. Ali menegaskan tentang perasmian Bahasa Melayu di-negeri ini yang mana penggunaan-nya tidak hanya terhad kapada satu2 pehak sahaja, tetapi ada-lah menyeluruh.

"Maka untuk membuktikan yang sharikat2 perniagaan dan

(Lihat muka 8)

Pahlawan di-lengkapkan dgn. peluru berpandu

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kapal ronda Askar Melayu Diraja Brunei KDB Pahlawan telah pulang ka-Brunei pada minggu lalu sa-lepas di-perlengkapkan sa-mula di-Singa-

pura.

Kapal KDB Pahlawan telah di-lengkapkan dengan peluru2 berpandu dari bumi ka-bumi jenis SS-12. Peluru2 berpandu itu mempunyai jarak tembakan

Pementasan drama Shakespeare di-Dewan Raya 13hb. Jun.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-kumpulan seniman dan seniwati Inggeris dari Royal Lyceum Theatre, Edinburgh akan berada di-Brunei pada 12hb. dan 13hb. Jun ini dalam siri lawatan mereka ka-Asia Tenggara.

Ketika berada di-Brunei, mereka akan mementaskan drama yang bertajok "WHEN THOU ART KING" yang di-dasarkan kapada karangan Shakespeare dalam siri King Henry IV, bahagian 1 dan 2.

Dua pertunjukan akan di-adakan di-Dewan Raya, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Seri Begawan pada 13hb. Jun. Pertunjukan pertama khas bagi murid2 sekolah akan di-adakan pada pukul 2.00 petang, sementara pada pukul 8.00 malam ia-lah untuk orang ramai.

Tiket2 yang berharga \$5.00, \$3.00 dan \$2.00 untuk orang ramai dan \$1.00 untuk murid2 sekolah akan di-jual di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Seri Begawan pada tiap2 tarikh pertunjukan mulai pukul 8.00 pagi hingga petang.

Penerbit pertunjukan itu, Awang Richard Eyre dan Da-yang Valerie West, wakil Majlis Drama British akan tiba di-Brunei pada hari Jumaat dan Sabtu ini untuk membuat persediaan2 bagi persembahan itu.

sa-jauh tiga batu.

Satu kenyataan yang di-ke-luarkan oleh Askar Melayu Diraja Brunei berkata, empat orang jurutembak telah di-lath di-Paris, Pranchis untuk mengendalikn sistem baru itu.

Pemilihan murid2 darjah IV Melayu ka-persediaan Inggeris akan di-hapuskan

JABATAN Pelajaran sekarang sedang mengarahkan sasaran2 baru ka-arrah memperbaiki sistem pelajaran dari peringkat rendah dan menengah di-seluruh negara.

Tiga masa'alah besar yang menjadi matlamat Jabatan Pelajaran. Pertama, memasukkan pelajaran bahasa Inggeris ka-semua sekolah2 rendah aliran Melayu mulai dari darjah satu bagi penuntut2 yang berumur 6 tahun. Kedua, mempergiatkan lagi pelajaran Ilmu Hisab dan, ketiga, memperluaskan Ilmu Sains.

Chara lama yang di-amalkan beberapa tahun sudah yang memisahkan murid2 dalam Darjah IV aliran Melayu ka sekolah

persediaan Inggeris akan di-hapuskan dan pertimbangan telah di-buat sekarang untuk menyusun semula mata pelajaran sa-belum penuntut2 itu menduduki ka-peringkat menengah agar mereka dapat sama2 menikmati keseluruhan pengajian di-peringkat rendah.

Pengarah Pelajaran Dato Seri Laila Jasa Awang M. MacInnes dalam ucapan-nya di-pembukaan rasmi kursus guru2 besar, Penu-long Guru2 Besar dan Guru2 Bahasa Inggeris yang berlangsung di-dewan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah di-Gadong bulan lalu telah mensifatkan bahasa Inggeris penting di-ajarkan di-semua sekolah2 rendah Melayu di-seluruh negara.

Meskipun bahasa Inggeris bahasa kedua di-Brunei namun ia-nya harus-lah mendapat perhatian khas untuk di-ajarkan di-tiap2 sekolah di-negeri ini kerana dengan mengetahui bahasa Inggeris, sa-chara tidak langsung menjadi satu galakkan kepada penuntut untuk mendalami lagi pengetahuan mereka sa-chara luas terutama apabila mereka berada di-pe-riingkat menengah, di-sekolah tinggi dan sa-terus-nya di-uni-versiti.


Sebab itu-lah Jabatan Pelajaran telah memikirkan masa'alah itu dengan teliti dan sekarang memberikan asas penting kepada semua penuntut2 supaya mereka akan dapat memahami nilai kemajuan yang ujud daripada-nya.

Pengarah Pelajaran telah membayangkan bahawa oleh kerana kedudukan guru2 telah beransor baik dan jumlah guru2 yang boleh mengajar bahasa Inggeris telah bertambah banyak, maka masa'alah mengajar bahasa Inggeris di-sekolah2 rendah Melayu tidak-lah merupakan perkara yang berat.

Menurut Pengarah Pelajaran itu lagi guru2 Inggeris yang sekarang mengajar di-kelas2 persediaan Inggeris di-sekolah2 Melayu akan di-ubah untuk mengajar bahasa Inggeris di-kelas2 rendah Melayu dan dengan itu bermaana pengambilan murid2 Darjah IV Melayu untuk chalon ka-sekolah2 persediaan Inggeris akan di-berhentikan.

Menjelang tahun depan apabila segala2-nya berjalan dengan baik semua murid2 akan terus berada di-sekolah2 aliran Melayu bagi tahun ke-lima dan ke-enam dan mereka akan mengambil peperiksaan dalam Darjah VI yang akan menentukan jenis aliran di-peringkat menengah yang lebih sesuai sama ada memasuki aliran Inggeris atau terus menduduki Melayu.

Pelajaran bahasa Inggeris untuk murid2 darjah rendah telah di-susun dalam bentuk baru oleh Awang Norman



Dato Seri Laila Jasa Awang M. MacInnes.

Walker sa-orang Pensharah Kanan di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah di-Gadong.

Sa-benar-nya perhubungan2 telah pun di-jalankan bagi mengajar bahasa Inggeris kepada murid2 Darjah Satu di-beberapa buah sekolah2 Melayu dan menurut pendapat Awang Norman Walker sa-takat apa yang nampak dalam usaha yang di-jalankan itu amat memuaskan dan menggalakkan.

Pmk. Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Abd. Razak bin Mohammad telah menekankan bahawa memandang kepada kejayaan2 itu dapat-lah di-ramalkan bahawa bahasa Inggeris akan di-jadikan satu mata pelajaran yang wajib dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah di-dalam Darjah VI di-sekolah2 Melayu.

Pelajaran Ilmu Hisab Baru yang di-kelolakan oleh Dr. MacDonald akan dapat di-ajarkan juga kepada semua sekolah2 rendah dan ada kemungkinan juga dapat di-

ajarkan di-sekolah2 menengah menjelang tahun depan.

Panduan Sains yang di-kelolakan oleh Awang Zainal bin Dato Ghani sekarang ini sedang di-ajarkan di-semua Sekolah2 Menengah Tingkatan Satu.

Harapan2 juga di-tumpukan kepada para guru supaya mempunyai tanggung jawab yang lebih dengan perasaan di-dekasi dan kejujuran dalam memperkenalkan parkara2 baru kepada murid2 di-sekolah2 Melayu supaya mereka tidak ketinggalan dalam pergolakan zaman sains dan teknologi.

Ketika menyentuh mengenai kursus guru2 besar, penolong guru2 besar dan guru2 bahasa Inggeris yang di-adakan baru2 ini Awang Abd. Razak menekankan bahawa tujuan Jabatan Pelajaran mengadakan kursus seperti itu ia-lah sa-mata2 untuk meninggikan taraf pengajaran dan me-orientasikan diri guru2 dengan aspek2 baru dan ka-edah2 baru dalam pendidikan.

Tiga orang di-chalunkan utk. Ketua Kg. Tungku

GADONG. — Penduduk2 Kampung Tungku dekat Gadong telah memilih tiga orang chalon bagi jawatan Ketua Kampung di-kawasan mereka.

Mereka yang di-pilih itu ialah Awang Abdul Halim bin Ja'afar, Awang Nurdin bin Daud dan Awang Jumat bin Amin.

Penchalunan itu ia-lah untuk memilih sa-orang ketua untuk menggantikan bekas ketua kampung, Awang Besar bin Khamis yang telah bersara dalam bulan Januari tahun ini.

Lebih dari enam puluh orang telah hadir di-perhimpunan yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Kampung Tungku baru2 ini.

Penchalunan itu telah di-saksikan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Penolong Pegawai Daerah, Awang Yunus bin Haji Hussein dan Pegawai Pentadbir, Awang Adnan Marsal.

Lawatan Belia2 Brunei ka-Sabah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan sa-ramai 47 orang belia2 BBrunei termasuk beberapa orang wanita akan mengadakan lawatan muhibbah sa-lama lima hari ka-Sabah pada 30hb. Mei ini.

Rombongan Belia2 Brunei itu akan menjadi tetamu kepada Pertubuhan Belia Kebangsaan Sabah.

Sa-masa berada di-Sabah, rombongan belia2 Brunei itu akan mengadakan perlawanan2 bola sepak, ping-pong, sepak takraw, chator dan badminton sa-chara persahabatan dengan belia2 di-Sabah.

Kemunchak dari lawatan itu, mereka akan mendaki gunung Kinabalu dan satu majlis forum antara belia2 Brunei dengan Belia2 Sabah yang berthemakan 'Belia dan Masharakat' mungkin juga akan di-adakan.

Kerja2 ka-atas ranchangan bekalan ayer KB berjalan lancar

KUALA BELAIT. — Kerja2 ka-atas ranchangan bekalan ayer di-Kuala Belait dan Seria sedang berjalan sa-bagaimana yang di-ranchangkan.

Projek itu di-anggarkan menelan belanja sa-banyak dua

belas juta dua ratus lima puluh ribu ringgit dan akan siap kira2 dalam tahun 1973.

Pengarah Kerja Raya, Dato R. Waddel berkata, pembenaan kilang penyampur ubat di-Seria dan pusat2 pengepam di-Badas berjalan dengan baik.

Dato Waddel berkata, kerja memasang paip dari Badas ka-Seria dan ka-Sungai Liang juga berjalan dengan baik.

Ayer akan di-sedut dari Sungai Belait dan di-pam dari Sungai Badas ka-kilang penapis dan menyampur ubat di-Seria.

Ayer yang telah di-tapis dan di-champor ubat akan di-bahagi2kan ka-tangki yang tinggi di-Kuala Belait dan Seria dan ka-tempat simpanan ayer di-Sungai Liang.

Mati di-langgar kereta

LAMUNIN. — Sa-orang budak perempuan Melayu, 4 tahun, Norhayati binte Abdul Wahab telah mati apabila ia-nya terlibat dalam satu kemalangan dengan sa-buah kereta di-Batu 26, Jalan Lamunin, Tutong.

Norhayati sedang berjalan dengan dua orang kawan-nya apabila sa-buah kereta yang menuju ka-Bandar Seri Begawan dari Lamunin melanggar-nya pada hari Isnin lalu.

Ia-telah di-bawa ka-hospital dimana ia-nya meninggal dunia.

FIRMAN Allah Subhanahu-wataala di-dalam Quran ayat, 8 Surah Al-Jumaat yang bermaksud:

"Katakan-lah (wahai Mohammad) sa-sungguh-nya mati yang kamu lari daripadanya itu pasti akan menemui kamu juga, kemudian kamu di-kembalikan kepada Allah yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, lalu di-kehabarkannya kepada kamu apa2 yang kamu kerjakan".

Dengan ayat tersebut jelaslah kepada kita bahawa Allah telah menerangkan bahawa kebanyakan manusia itu takutkan menempoh mati dan mereka mahu lari daripadanya, pada hal tiap2 sa-seorang itu tak dapat tiada akan mati dan sa-telah mati maka pada akhir-nya di-hadhirkan di-hadapan Allah. Tuhan yang maha mengetahui segala perkara, baik yang samar2 mahu pun yang nyata, baik yang kecil mahu pun yang besar untuk di-perlihatkan segala balasan daripada amalan2 dan pekerjaan2 yang telah di-buat dan di-usahakan di-dunia.

Dalam menghadapi soal ini terdapat berbagai2 pendapat dan chara manusia. Ada sa-tengah-nya sa-olah2 tidak membuat perhitungan mengenai-nya, atau dengan kata2 yang lain soal mati itu di-belakang kira, yang perlu ia-lah mengisi kehidupan dengan sa-puas2-nya sama ada kepuasan itu di-dapat dengan chara yang di-larang ugama.

Ada pula yang berpendapat bahawa sa-masa muda tidak-lah perlu memperhitungkan soal mati kerana soal mati itu hanya layak di-perhitungkan sa-sudah tua, kerana itu sa-masa muda perlu-lah di-pe-nohi dengan segala nikmat dunia walau pun di-dapat dengan chara yang tidak di-halalkan Allah.

Ada pula yang mengingat soal mati itu tetakala di-timpa sakit kuat, di-timpa kemalangan dan kesusahan sahaja, manakala waktu senang dan lapang soal tersebut tiada-lah



KHUTBAH JUMA'AT

KEBANYAKAN MANUSIA TAKUT MENEMPOH MATI

di-perhitungkan langsung. Semua pendapat2 dan pendirian2 tersebut tidak-lah sesuai dengan ajaran2 Islam yang mengkehendaki umat-nya sentiasa waspada dan berhati2 dalam menempoh kehidupan di-dunia ini.

Oleh kerana soal mati itu tidak akan dapat kita elakkan, dan merupakan soal yang mesti di-tempoh oleh sa-tiap orang, maka sudah sa-wajib-nya-lah kita jangan berlengah2 dan bertangguh2 lagi pada

muludian maka di-tambah lagi dengan sembahyang Witir pada tiap2 malam dan kemudian di-tambah lagi dengan sembahyang dhuha pada tiap2 pagi.

Maka dengan chara latehan yang beransor2 itu lama kelamaan kita berasa ringan mengerjakan perintah2 Allah itu. Bagitu-lah juga chara2 menjauhi larangan2 Allah itu, misal-nya saperti mula2 kita paksakan diri kita jangan berbohong, kemudian jangan

"Ada pendapat menyarankan bahawa masa muda, mati tidak perlu di-perhitungkan, kerana soal mati itu hanya layak di-perhitungkan sa-sudah tua"

mengerjakan amal ibadat kepada Allah dan menjauhi segala perkara yang di-larang-nya.

Hendak-lah kita lateh diri kita untuk mengerjakan perintah2 Allah dan menjauhi larangan-nya, dan chara2 latehan itu ia-lah dengan sedikit demi sedikit. Misal-nya, kita paksa diri kita supaya mengerjakan sembahyang lima waktu, dan sa-telah kita berasa ringan mengerjakan sembahyang lima waktu itu kita tambah dengan mengerjakan sembahyang ruatib ia-itu sembahyang Qabliyah dan Ba'adiah sa-bagaimana yang di-kehendaki bagi sembahyang2 lima waktu yang tertentu, ke-

sumpong, kemudian jangan khianat kemudian jangan mengumpat dan sa-terus-nya. Maka lama kelamaan kita dapat menjauhi larangan2 Allah itu.

Oleh yang demikian adalah di-serukan supaya tuan2 sentiasa waspada terhadap hari depan tuan2 ia-itu hari akhirat yang akan tuan2 diami buat sa-lama2-nya itu. Buat-persediaan2 amal kebajikan yang sa-banyak2-nya, mudah2an dengan demikian Allah akan memberikan balasan yang sa-baik2-nya.

Pendaftaran utk tunaikan fardhu haji dgn. kapal terbang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di-seluruh negeri yang ingin menunaikan fardhu haji ka-Mekah dengan kapal terbang bagi musim haji 1972/1973 boleh-lah mendaftarkan nama mereka ka-Pejabat2 Hal Ehwal Ugama di-negeri ini.

Mereka hendak-lah menyertakan tiga keping gambar paspot bersama2 borang pendaftaran dan menyatakan dengan terang nama, alamat, tarikh lahir dan cjaan2 hendak-lah mengikut surat beranak kad pengenalan.

Mereka juga di-kehendaki menyatakan nama salah sa-orang Sheikh Haji yang telah di-tetapkan oleh kerajaan.

Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mendaftar lebeh awal dan mengikut sharat2 yang di-kehendaki dalam borang pendaftaran.

Borang2 pendaftaran itu hendak-lah di-kembalikan ka-Pejabat Hal Ehwal Ugama di-Bandar Seri Begawan, Belait, Tutong dan Temburong tidak lewat dari 29hb. Jun, 1972.

Sementara itu sa-ramai 67 orang Islam di-Brunei telah mendaftarkan nama mereka untuk menunaikan fardhu haji ka-Mekah dengan kapal laut bagi tahun 1972/1973.

Sa-ramai 64 orang telah mendaftarkan nama mereka di-Daerah Brunei/Muara dan tiga di-Daerah Belait.

Pendaftaran itu maseh terbuka dan borang2 boleh di-dapati dari semua Pejabat Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Tutong dan Temburong.

Pendaftaran itu akan di-tutup pada 28 Mei, jam 4.00 petang.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 24hb. Mei, 1972 hingga ka-hari Selasa 30hb Mei, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
24hb Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05
25hb Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05
26hb Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
27hb Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
28hb Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
29hb Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
30hb Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Tujuh penuntut Ugama melanjutkan Pelajaran ka-Univerisiti Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai tujuh orang bekas penuntut Kolej Islam Klang telah di-hadihkan dermasiswa Jabatan Hal Ehwal Ugama untuk menyambung pelajaran mereka ka-Universiti Kebangsaan Kuala Lumpur.

Penuntut2 itu ia-lah Awangku Yusof bin Pengiran Kula; Awang Abdul Rajid bin Abdul Kadir; Awang Abdul Salim bin Haji Besar; Awang Adam bin Ahmad; Awangku Abu Bakar bin Pengiran Sha-

rifuddin; Awang Dani bin Ibrahim dan Awang Metusin bin Haji Baki.

Penuntut2 tersebut telah berlepas pada hari Ahad 21 Mei.

Sementara itu, tiga orang lagi penuntut ugama dari Universiti Kebangsaan, Awang Jali bin Abdul Latif, Awang Muharam bin Piah dan Awg. Junaidi bin Pehin Penyurat Hj. Hashim yang telah berchuti di-tanah ayer, juga berlepas pada hari itu.

(24hb. Mei, 1972)

ISTIMEWA UNTUK ALIRAN MELAYU

BAGI kepentingan anak2 tempatan yang hanya mempunyai kelulusan dalam pengajian aliran Melayu seperti pemegang2 SRP dan SPM, maka Pesuruhjaya Buroh, Awg. Md. Ali bin Haji Awang Besar telah melaksanakan satu usaha dengan meminta kerjasama sharikat2 perusahaan dan perniagaan negeri ini bagi menyediakan tempat untuk peluang mereka bekerja.

Satu chadangan yang memungkinkan pemegang2 SRP atau SPM itu berkhidmat dengan sharikat2 perusahaan dan perusahaan, maka Pesuruhjaya Buroh mengemukakan kepada sharikat2 bagi mengadakan peruntukan khas tahunan bagi tujuan itu.

Menurut satu siaran beliau kepada sharikat2 tersebut, Awg. Md. Ali telah menekankan tentang penggunaan Bahasa Melayu yang merupakan Bahasa Rasmi negeri ini di mana sharikat2 itu juga mempunyai peranan yang tidak boleh diabaikan. Oleh yang demikian, maka sharikat2 di-negeri ini haruslah membuktikan yang mereka itu sentiasa bekerjasama dalam mendaulatkan Bahasa Rasmi negara. Salah satu bukti yang kuat ialah dengan chara memberikan peluang bekerja kepada anak2 tempatan yang berkelulusan dalam pengajian Melayu itu.

Sabener-nya kita belum mengetahui dengan jelas adakah sharikat2 perusahaan dan perniagaan di-negeri ini sahchara jujur telah menghormati akan perasmian Bahasa Melayu itu. Tetapi dari siaran khas Pesuruhjaya Buroh itu sa-kurang2-nya kita mendapat bayangan bahawa-bahawasanya ada keraguan bagi penerimaan anak2 tempatan yang berkelulusan Melayu untuk bekerja di-tempat2 mereka.

Kedudukan Bahasa Melayu sekarang ini, beranilah kita katakan yang ia-nya telah menempohi satu perkembangan menjadikan-nya semakin kuat dan berkemampuan dalam berbagai2 lapangan, termasuk di-bidang pentadbiran. Hal ini mungkin belum di-sadari oleh kebanyakan sharikat2 perniagaan itu, khas-nya yang kakitangan-nya terdiri dari orang2 asing yang samemang-nya mendewa2kan bahasa Inggeris saja yang berkemampuan, walau pun kurang di-fahami oleh sabilangan besar penduduk2 tempatan.

Mungkin juga ada anggapan bahawa hanya orang2 yang tahu Bahasa Inggeris sahaja yang pandai bekerja, sedangkan yang berkelulusan Bahasa Melayu itu tidak. Anggapan ini ketara benar silap-nya, kerana ada juga yang mahir menguasai bahasa asing itu, tetapi mutu kerja-nya terlalu rendah.

Hakikat ini akan dapat di-sadari oleh sharikat2 itu pada menimbangkan shor dari Pesuruhjaya Buroh di-samping menampakkan kerjasama mereka dengan Kerajaan.

Jika terlaksana tujuan ini, maka ia-nya akan merupakan satu sumbangan yang berfaedah kepada negara.



Pemandangan sewaktu memasuki Dewan Pameran 4 di mana kita dapat melihat patong2 ukiran pada sa-belah kiri gambar.


Sa-bahagian dari tembikar dalam dinasti Ming (1368 — 1644 mashi) yang di-pamerkan dalam Dewan Pameran 5.




Pemandangan dari dalam Dewan Pameran 5 (Bahagian Tembikar) di mana kelihatan tempayan2 dan tembikar2 di-pamerkan.



Rumah Sagon (Ambulong) yang dapat di-saksikan dalam Dewan Pameran 6 itu juga.



Gambar ini melihatkan beberapa jenis baju dan skirt perempuan yang di-buat dari kulit kayu dan kulit2 kerang. Alat2 pakaian ini dapat dilihat dalam Dewan Pameran 4.



Gambar menunjukkan alat2 mengisar dan menumbuk padi ia-tu kisaran, lesong, alu serta berbagai jenis topi yang di-pamerkan dalam dewan pameran 4.

Bahagian depan Rumah Dusun yang dapat kita lihat dalam Dewan Pameran 6.

MUZIUM BRUNEI DAN PERKEMBANGAN-NYA

DENGAN kerjasama dari Muzium Brunei, maka renchana bergambar seperti yang terdapat di-halaman ini akan di-siapkan selang sa-minggu dari keluaran ini. Ada-lah di-harapkan supaya renchana bergambar seperti ini akan dapat memberikan penerangan lebih jelas lagi kepada orang ramai berhubung dengan Muzium tersebut. — Pengarang.

DEWAN PAMERAN MUZIUM BRUNEI.

SEJAK Muzium Brunei di-Kota Batu dibuka dengan rasmi-nya oleh D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II pada 29hb. Februari, 1972, lebih dari 60,000 orang telah melawat ka-sana. Ini ada-lah satu kejayaan yang besar yang di-dapati dalam masa sa-sengkat itu. Pelawat2 ini bukan saja terdiri dari penduduk2 di-seluruh pelusok tanah ayer malah banyak yang datang dari negara2 jiran seperti Sabah, Sarawak dan Malaysia Barat.

Muzium Brunei mempunyai 6 Dewan pameran yang menunjukkan berbagai2 aspek seperti sejarah, kebudayaan dan peri kehidupan yang ada di-Brunei.

Dewan Pameran I, melihatkan berbagai jenis perangkap binatang dan alat2 menangkap ikan. Banyak dari pada alat2 yang di-pamerkan itu tidak di-gunakan lagi pada masa ini, seperti SELAMBAU dan TUGU. Pameran Dewan I ini ada-lah pameran sementara, tetapi bila keadaan menkehendaki, pameran ini akan di-ubah dan di-ganti dengan satu pameran yang lain lagi.

Pameran yang kedua melihatkan sejarah dan teknologi minyak yang ada di-Brunei. Pameran ini di-buat dengan usaha Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad. Sejarah minyak dari awal penggalan sa-hingga masa ini yang menjadikan sumber kekayaan Negeri Brunei telah di-paparkan dengan nyata dalam pameran ini.

Pameran ketiga mempamerkan bahagian Ilmu Kejadian Alam di-Brunei (keterangan mengenai pameran ini akan di-buat dalam siri "Muzium dan Perkembangan-nya" kemudian nanti).

Mengenai dengan kebudayaan dan kesenian orang2 Melayu Brunei berserta dengan lain2 puak yang terdapat di-Pulau Borneo ini dapat kita saksikan dalam Dewan Pameran Empat. Bahagian pertama melibatkan alat2 yang di-gunakan dalam kehidupan sa-hari2 dan yang beristiadat oleh puak2 di-Pulau Borneo. Alat2 itu ia-lah seperti topi,

keranda, alat2 musik, patong2 ukiran, senjata, baju2 kulit kayu dan kerang yang sa-bahagian-nya tidak lagi di-gunakan pada masa ini. Bahagian kedua mempamerkan barang2 tembaga pertukangan orang2 Melayu Brunei. Dari sini kita dapat melihat kebudayaan dan "kebisaian" orang2 Melayu Brunei mengukir dan "Menuang" barang2 tembaga yang beberapa puluh tahun dahulu ia-lah menjadi kemashhoran kepada Negeri Brunei.


Dalam Pameran kelima kita akan menyaksikan berjenis2 tembikar China yang pernah menjadi bahan perdagangan ka-Brunai pada beberapa kurun yang lalu. Tembikar China ini di-susun dan di-bahagi2kan mengikut dinasti atau keturunan masing2. Beberapa pechahan tembikar yang pernah di-gali di-Kota Batu dalam tahun 1954 dan di-Lumut pada tahun 1968 ada juga di-pamerkan.

Dalam Dewan Pameran yang ke-enam, kita di-tunjukkan empat jenis rumah orang2 di-pendalaman dalam daerah2 Negeri Brunei termasuk rumah bagi membuat sago atau Ambulong. Rumah Orang Kedayan dari Daerah Brunei dan Muara; Rumah Murut (Kandang) dari Daerah Temburong, Rumah Dusun dari Daerah Tutong dan rumah sago (Ambulong) dari Daerah Belait.

Ada-lah menjadi tujuan utama Muzium Brunei bahawa sa-tiap pelawat di-samping mengenal benda2 itu lebih dekat, akan dapat mempelajari serba sedikit tentang sejarah kebudayaan dan peri kehidupan di-Brunei dan alam sekitar-nya. Para pelawat itu akan dapat membuat satu pandangan yang lebih jauh bagaimana evolusi keadaan manusia berubah bagitu chepat.


JADUAL LAWATAN:

Isnin :	Tutup.	
Selasa —	Ahad :	10.00 pagi — 5.00 petang.
Jumaat :		9.30 pagi — 11.30 pagi.
		2.00 petang — 6.00 petang.



Pemandangan rig penggalian SEDCO 135A dan SEDCO 135E yang di-pamerkan dalam dewan dua.

Pemandangan di-sawah padi berhampiran dengan Durong dalam Dewan Pameran 6 (Bahagian Rumah2 Asli).



Pemandangan dalam Dewan Pameran 5.



Empat keluarga kehilangan rumah tangga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Bomba Bandar Seri Begawan telah bertindak empat kali, berikutan kebakaran di-Jalan Tutong dan Jalan Berakas pada minggu lepas.

Empat buah kereta bomba telah di-kejarkan ka-Batu 3½, Jalan Tutong, untuk memadamkan api kebakaran di-sa-buah bangunan sementara yang menyebabkan empat keluarga kehilangan rumah tangga. Mereka telah kehilangan harta benda dan wang berjumlah \$24,000.

Pasokan bomba juga telah di-kejarkan ka-Batu Lima, Jalan Berakas berikutan kebakaran sa-buah setor simpanan barang2 makanan binatang. Tingkat bawah setor itu musnah sama sekali dan kerosakan di-anggarkan lebih dari \$2,000.

Pasokan bomba telah dipanggil kerana kebakaran lalang, satu daripada-nya dekat padang tembak Askar Melayu Diraja Brunei dan satu-nya lagi di-Kampung Lambak, Berakas.

Sa-buah helicopter Askar Melayu Diraja Brunei juga telah memberikan bantuan untuk memadamkan api di-ke-dua2 tempat itu.

Sementara itu, Pengawal Perkhidmatan Bomba menyeronang orang ramai, supaya jangan membuang potong2 rokok yang masih menyala sa-masa musim kemarau ini. Beliau itu juga menasihati orang2 yang berkelah supaya memadamkan api yang mereka gunakan kerana memasak, sa-belum meninggalkan tempat perkelahan. Peladang2 juga di-nasihati supaya berhati2 sa-masa membakar kawasan kawasan mereka untuk tujuan berchuk tanam.



SISTEM SALORAN AYER KOTOR K.B. DAN SERIA SELESAI

KUALA BELAIT. — Kerja2 pembinaan projek sistem pengaliran ayer kotor yang moden di-Kuala Belait dan Setia telah selesai.

Sa-orang juruchakap sharikat2 J.D. dan D.M. Watson, badan penasihat yang mereka dan mengawasi kerja2 pembinaan projek itu bagi pihak kerajaan ketika menyatakan demikian berkata, siap-nya kerja2 itu telah pun di-shahkan pada 17hb. Februari lalu dan kerja2-nya sekarang telah diserahkan kepada Jabatan Kerajaan Raya untuk mengendalikan-nya.

juruchakap itu juga berkata, tawaran2 telah di-iklankan bagi kerja2 menghubungkan sistem tersebut ka-setengah2 bangunan kerajaan di-Kuala Belait dan Setia.

Bagaimana pun rumah sakit baru Kuala Belait sudah pun mempunyai hubungan sistem itu.

Sistem penyaliran ayer kotor di-Kuala Belait dan Setia akan dapat di-gunakan sa-baik2 sahaja aliran dari bangunan men-chukopi.

Projek itu bermula dalam tahun 1968 dan semua perbelanjaan-nya termasuk sambongan2 besar di-anggarkan menelan belanja \$11.2 juta.

Sa-lain dari rangkaian beberapa saloran biasa terdapat empat stesen besar pengepam dan 14 yang kecil lain-nya.

Paip saloran membuang najis satu di-Sungai Bera dan sa-buah lagi di-Sungai Belait.

Pemborong utama bagi projek itu ia-lah Sharikat Pembinaan China.

Perengkat pertama kompleks Ibu Pejabat Polis Daerah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan membina satu blok empat puluh buah rumah pangsa bagi anggota2 Pasokan Polis Diraja Brunei di-Bandar Seri Begawan sedang di-jalankan oleh sharikat Hup Yick Construction.

Sharikat James Cubitt dan Rakan2, akitek2, telah di-tugaskan oleh kerajaan untuk mereka bentuk bangunan itu.

Sa-orang juruchakap bagi sharikat itu berkata kerja memasang pail ujian telah di-jalankan.

Pemborong itu telah memulakan kerja memasang pail konkrit yang di-jadualkan siap dalam masa beberapa minggu.

Juruchakap itu berkata, bangunan itu, yang di-bina di-kawasan di-Jalan Dato Ibrahim di-anggarkan menelan belanja kira2 \$780,000.

Bangunan itu ada-lah perengkat pertama kompleks Ibu Pejabat Polis Daerah di-Bandar Seri Begawan.

BRUNEI telah berjaya menjadi johan dalam perlawanan tennis antara tiga wilayah — Sabah, Sarawak dan Brunei kali yang keenam yang telah berlangsung di-Kota Kinabalu baru2 ini.

Dengan kemenangan itu Brunei telah berjaya memegang Piala Clement Chia.

Dalam perlawanan itu Brunei telah berjaya mengalahkan Sabah dengan empat perlawanan berbalas satu dan mengalahkan Sarawak dengan tiga perlawanan berbalas dua.

Gambar atas menunjukkan Hamid Ja'afar yang mengetuai pasukan Brunei yang terdiri dari Jimmy Lyn, Thomas Chia, Pengiran Hidup, Frankie Ho dan Abu Bakar memegang Piala Clement Chia yang di-menangi itu.

Di-denda \$70.00 kerana memberi rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mahkamah Bandar Seri Begawan telah mendenda Chua Kok Hua sa-banyak \$70.00 kerana chuba memberi rasuah kepada sa-orang anggota pulis.

Mahkamah di-beritahu bahawa Chua Kok Hua telah memberikan wang \$10.00 kepada sa-orang pulis, Awangku Mohammed bin Pg. Haji Othman di-Jalan Sekolah, Bandar Seri Begawan, supaya tindakan tidak di-ambil ka-atas-nya.

Mahkamah juga menghukum penjara Tam Sam, sa-orang China dari Miri sa-lama tiga bulan sa-telah dia tidak dapat membayar denda sa-banyak \$700.00 kerana kesalahannya berada di-Brunei, sa-telah pas lawatan-nya manshoh.

Di-Mahkamah Setia, Tan Chui Hoe telah di-denda \$50.00 dan Wang Nyok Yin \$40.00, kerana memandu kereta dengan laju. Puan Ji Yung Park dan Kong Siew Chean masing2 di-denda \$40.00, kerana memandu dengan chuai.

Dalam kes yang lain, lima orang pemandu kereta telah di-denda kerana kesalahannya memandu dengan chuai.

Sulaiman bin Rias, Loh Sam Kong, Khong Yew Wong, Abdul Hamid bin Kassim dan Ahmad Puasa Pawtaher Mohamed Shariff Mohamed Ariff, masing2 telah di-denda \$30.00 atau tiga hari penjara.

Ahmad Puasa Rawtahir di-denda lagi \$1.00 kerana membawa muatan yang lebih di-atas motorikal-nya.



JAWATAN2 KOSONG

DI-PEJABAT PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalon2 yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong di-Pejabat Pelajaran, Brunei.

1 MEKINIK TINGKAT II (2 kosong)

Kelayakan dan Pengalaman:-
Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 mekinik dengan sa-sabua workshop.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220x5 — 240.

2. TUKANG KAYU TINGKAT II (1 kosong)

Kelayakan dan Pengalaman:-
Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman sebagai tukang kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebih rendah tetapi mempunyai beberapa tahun pengalaman sa-bagai tu-

kang kayu akan juga di-per-timbangkan Pemohon2 mesti-lah boleh

- menyediakan pelan2 dan lukisan2 kerja dan melaksakan kerja2 itu; dan
- menyediakan taksiran kayu, dan barang2 yang diperlukan untuk (a) di-atas.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220x5 — 240.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah dihantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 Sulit mengenai pemohon bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 12hb. Jun, 1972.

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalon2 yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

1. FARDHU KEFAYAH (1 jawatan)

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 45 tahun;
- Mesti-lah mengetahui Hal Ehwal Ugama Islam dan Rakun2 Ugama Islam, terutama sekali pengetahuan menchuchi mayat;
- Satu pepereksaan sa-chara lisan (soal mulut) akan di-adakan di-masa temuduga.

Pemohon yang berjaya mesti-lah bersedia di-tempatkan di-Daerah Temburong, dan keutamaan akan di-beri kapa-

da orang yang bermastautin di-Temburong.

Pemohon yang di-fikirkan ber-kelayakan tetapi berumur lebih dari yang di-sharatkan boleh juga akan di-lantek dengan sa-chara sa-bulan ka-sabulan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300 x10-350.

2. PENYAMBUK TETAMU (1 Jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 17 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II Inggeris dan Darjah IV Melayu. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai Penyambut Tetamu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3



Pengakap2 dan Pandu2 Puteri di-Daerah Brunei/Muara dan Tutong telah mengadakan satu temasha unggun api bertempat di-parkaran Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan baru2 ini kerana mera-ikan lawatan Pengakap2 dan Pandu2 Puteri dari Labuan.

Dalam gambar atas kelihatan Yang Di-pertua Pertubuhan Pengakap Negeri Brunei, Awang Mohd. Ali Daud sedang menyampaikan chenderamata kepada ketua rombongan Pengakap dan Pandu2 Puteri dari Labuan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

Penghuni Rumah Orang2 Tua bertambah

SERIA. — Bilangan penghuni di-Rumah Orang2 Tua di-Seria meningkat kepada 54 orang. Ini termasuk empat orang perempuan.

Dua orang lelaki lagi telah di-terima di-rumah itu bulan lalu.

Rumah Orang2 Tua itu diselenggarakan oleh Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait yang menerima peruntokan tahunan sa-banyak \$10,000 dari kerajaan bagi membantu membiayai perbelanjaan2-nya.

Sa-orang juruchakap bagi majlis itu berkata, sa-takat ini, majlis itu telah menerima wang derma sa-banyak \$29,037.20 dari orang ramai.

Dari jumlah itu, \$27,574.70 telah di-kutip dari pekedai2, sharikat2 dan orang2 perseorangan yang menyahut seruan majlis itu untuk mendapatkan wang semasa Tahun Baru China.

JUALAN LELONG

DENGAN ini di-ma'alomkan kepada orang ramai bahawa jualan lelong bagi sa-buah kereta yang di-sebutkan dalam jadual di-bawah in akan di-adakan di-kawasan Balai Pulis, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 10hb. Jun, 1972 jam 9.00 pagi.

JADUAL

Bil.	Bil. Daftar	Jenis Kereta
1.	B 5041	Opel Kapitan
		Penangkap2 lelong yang

berjaya ada-lah di-kehendaki membayar dengan tunai dan sa-terus-nya memindahkan kereta itu dari tempat lelong tidak lewat tujuh hari sa-sudah lelong itu di-adakan. Dia juga di-kehendaki membayar chukai Kastam, sekira-nya perlu.

Jika kereta itu tidak di-pindahkan dalam tempoh yang di-tetapkan itu, wang yang telah di-bayar tidak boleh di-tebus balek dan kereta itu akan di-lelong sa-mula.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim





Negara perlukan kemahiran utk. mencapai kemajuan

(Dari muka 1)

pelbagai jurusan teknikal dan bokisional.

Beliau percaya yang mereka itu nanti akan senantiasa merebut dan menggunakan dengan baik peluang2 yang ditawarkan.

Beliau menekankan bahawa kemahiran2 dan kelayakan2 itu nanti akan berguna bukan sahaja kepada mereka sendiri, tetapi yang mustahak-nya ialah untuk kemajuan negara.

"Kegunaan mereka kepada negara tidak-lah terhad kepada tempoh masa mereka berkhidmat dalam angkatan2 bersenjata sahaja, bahkan sa-lagi mereka mempunyai anggota, mereka akan di-perlukan didalam lapangan2 lain di-mana kemahiran2 dan kecekapan2 mereka akan senantiasa di-kehendaki," jelas beliau.

Beliau menegaskan lagi bahawa Negeri Brunei ada-lah sa-buah negeri yang sedang membangun dan memerlukan kemahiran2 dan kecekapan2 yang berguna di-semua peringkat

Gambar atas: Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Diraja Dato Seri Utama Awang Isa sedang memeriksa barisan rekrut2 yang tamat latihan pada pagi itu, sementara gambar bawah Yang Berhormat itu kelihatan sedang menyampaikan piala kepada Ag. Md. Samit bin Haji Aziz yang telah di-pilih sa-bagai rekrut terbaik dan penembak terbaik sa-masa menjalani latihan.



kat untuk mencapai matalamat2 kemajuan negara.

Menurut beliau bahawa anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei akan merupakan sumbar2 yang besar kepada pembangunan negara itu jika mereka sekalian menggunakan peluang2 yang ada, sa-lain dari mengawal dan memperkukuhkan keselamatan dan ketenteraman negara.

Peluang untuk anak2 tempatan

(Dari muka 1)

perusahaan di-negeri ini juga mengambil peranan dalam penggunaan Bahasa Melayu itu dan membaktikan-nya yang mereka juga menggunakan-nya, maka ada-lah kenapada tempat-nya yang peluang2 bekerja itu di-sediakan bagi anak2 tempatan yang berkelulusan dalam aliran Melayu", jelas Awang Ali.

Untuk menjamin y a n g anak2 tempatan yang berkelulusan aliran Melayu itu di-terima bekerja dalam sharikat2 perniagaan dan perusahaan, maka Pesuruhjaya Buroh itu meminta pengurus2 sharikat2

supaya membuat satu anggaran peruntukan tetap tahunan yang merupakan satu skem khas.

Peruntukan itu, kata beliau, ada-lah semata2 untuk memberi peluang istimewa kepada anak2 tempatan yang tiada mampu untuk melanjutkan pelajaran atau yang mempunyai kelulusan dalam aliran Melayu.

Ini juga, kata-nya, akan menunjukkan sa-bagai satu penghargaan yang tinggi dari sharikat2 perusahaan dan perniagaan negeri ini bagi menyahut seruan Kerajaan dan membaktikan-nya d e n g a n praktik dan berfaedah.

Rombongan perdagangan Australia lawat Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua rombongan perutusan perdagangan dari New South Wales, Yang Berhormat Awang J.B. Fuller berkata, beberapa orang anggota dalam rombongan-nya telah membuat perhubungan2 berfaedah dengan peniaga2 terkemuka Brunei sa-masa lawatan sa-lama dua hari ka-negeri ini pada minggu lalu.

Kata-nya, rombongan perutusan-nya itu akan meluaskan pemasaran barang2 dalam tin, alat2 perusahaan dan barang2 buatan Australia.

Awang Fuller yang juga menjadi Menteri Pembangunan dan Decentralisasi telah menyatakan sa-jurus sa-belum berlepas ka-Kuching.

Beliau menerangkan bahawa beliau dan rombongan telah mengadakan beberapa rundingan dengan wakil2 penjual barang2 keluaran Australia di-Brunei.

Beliau berkata, "Kami percaya yang kami akan berjaya dalam mengatasi masaalah2 penjualan barang dari Australia ka-negeri ini dan juga boleh menandingi pengimport2 dari lain2 negeri".

Beliau dan rombongan telah juga menerima penerangan2 dari Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz bin Umar mengenai rancangan2 perkembangan dan pembangunan di-Brunei.

Mereka juga mengadakan rundingan dengan Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Perkara2 yang di-rundingan, antara lain, termasuk-lah lapangan terbang antara bangsa yang pada masa ini sedang dalam pembinaan.

Bagi menjawab satu pertanyaan mengenai dengan lapangan terbang itu, Y.B. Awang Fuller menerangkan, "Lapangan terbang ini ada-lah memberi satu peluang yang besar bagi menarik pelancong2 untuk melanchong ka-Brunei."

Yang Berhormat Awang Fuller dan rombongan telah juga mengadap Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan di-Istana Darul Hana.

PINDAH PEJABAT

JABATAN Perubatan dan Kesihatan mengumumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan Bidan di-Rumah2 telah berpindah.

Bahagian Perkhidmatan Perbidanan itu sekarang di-tempatkan di-bangunan rumah pangsa Suri Seri Begawan, Jalan Tutong. Pejabat itu terletak di-Blok Tiga, tingkat bawah bilek A 1.

Pejabat itu boleh di-hubungi melalui talipon no. 4159.

Perlawanan tinju tiga wilayah dalam bulan Julai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawan akhir Kejohanan Tinju Amator Kebangsaan Negeri Brunei yang ke-sebelas telah di-adakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada malam Isnin lepas.

Enam belas orang ahli tinju telah mengambil bahagian dalam lapan perlawanan, dalam mana dua perlawanan berakhir dengan pukulan kalah mati dan dua perlawanan terpaksa di-hentikan oleh pengadil.

Sa-orang juruchap bagi Persatuan Tinju Amator Negeri Brunei menyatakan pemenang2 itu akan bertemu dengan bekas2 pemenang Kejohanan Tinju Amator Kebangsaan Negeri Brunei pada 1hb. Julai akan datang.

Perlawanan tersebut ia-lah untuk memilih ahli2 tinju bagi mewakili negeri ini ka-Perlawanan Tinju Antara Wilayah yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan dalam bulan Julai.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Naib Yang Di-Pertua persatuan itu, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Yang Amat Mulia itu juga menyampaikan Piala Antara Wilayah yang telah di-menangi oleh Brunei kepada Kolonel Dato B.P.L. Rooney untuk di-pamerkan di-ibu pejabat Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei. (Gambar bawah).

